

LAKSANA pantau pelaksanaan pakej

BH 26/09/2020 (6)

Langkah perkasakan semula ekonomi diperkenal pada Belanjawan 2021

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan komited untuk memastikan bantuan Kerangka Inisiatif Tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (KitaPrihatin) dinikmati rakyat memerlukan.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata Kementerian Kewangan menerusi unit LAKSANA akan terus memantau pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi dan akan menambah baik langkah sedia.

"Selanjutnya, langkah untuk memperkasakan semula (revitalise) ekonomi akan diperkenalkan ketika Belanjawan 2021 pada 6 November 2020," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Rabu lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan pakej KitaPrihatin bernilai RM10 bilion dalam usaha kerajaan meringankan beban rakyat.

Kita Prihatin merangkumi Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 berjumlah RM7 bilion, Program Subsidi Upah 2.0 (RM2.4 bilion) dan inisiatif Geran Khas PRIHATIN (GKP) sebanyak RM600 juta.

Kita Prihatin menasarkankan golongan B40, M40, pekerja dalam pelbagai bidang dan peniaga mikro.

Menyentuh mengenai Geran

Khas Prihatin 2.0, Tengku Zafrul berkata, peruntukan tambahan sebanyak RM600 juta bagi GKP untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan mikro yang belum pernah menerima GKP sebelum ini dijangka membantu perniagaan yang menghadapi kesukaran.

"Pembukaan semula GKP ini mengekalkan jumlah geran sebanyak RM3,000 setiap pemohon yang berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) atau pihak berkuasa tempatan (PBT) atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebelum atau pada 31 Ogos 2020.

"GKP 2.0 ini dijangka memanfaatkan 200,000 PKS mikro untuk membantu aliran tunai serta sebagai modal perniagaan," katanya.

Bagi Program Subsidi Upah (PSU) 2.0, beliau berkata, peruntukan bagi inisiatif PSU 2.0 berjumlah RM2.4 bilion dijangka akan memanfaatkan 160,000 majikan untuk mengekalkan 1.3 juta pekerja selama tiga hingga enam bulan.

"Penambahan peruntukan PSU 2.0 melalui Pakej KitaPrihatin akan menjadikan nilai keseluruhan Program Subsidi Upah kepada lebih RM17 bilion," katanya.

Tengku Zafrul berkata, kerajaan turut mengambil maklum cabaran yang dihadapi oleh golongan B40 dan M40, justeru Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN

2.0) berjumlah RM7 bilion akan disalurkan kepada mereka yang layak bermula pada hujung bulan Oktober 2020.

Katanya, penambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan inisiatif BPN melebihi RM18 bilion kepada 10.6 juta penerima, yang merangkumi golongan bujang dan isi rumah.

"Kerajaan juga akan membuka ruang untuk rayuan bagi mereka yang tidak pernah menerima apa-apa bantuan BPN atau Bantuan Sara Hidup (BSH) sebelum ini. Permohonan baharu BPN 2.0 dibuka mulai 15 Oktober - 15 November 2020 dan boleh dibuat melalui pautan <https://bpn.hasil.govmy>; atau dengan menghantar borang secara persendirian ke cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) /UTC LHDNM," katanya.

Dalam pada itu, katanya, pakej rangsangan ekonomi bernilai RM305 bilion yang telah diumumkan kerajaan dijangka menyumbang 3.7 hingga 4.0 mata peratusan kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara tahun ini.

Katanya, pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN PKS+, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Kerangka Inisiatif Tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (KitaPrihatin) meletakkan negara dalam kedudukan yang lebih baik untuk pemulihan ekonomi menjelang 2021.

"Menerusi KitaPrihatin, ia di-

KitaPrihatin
Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

Mengurangkan beban rakyat

Mengekalkan pekerjaan

Membantu perniagaan terutamanya PKS

GERAN KHAS PRIHATIN	PROGRAM SUBSIDI UPAH 2.0	BANTUAN PRIHATIN NASIONAL 2.0
Peruntukan RM600 JUTA	Peruntukan RM2.4 bilion	Peruntukan RM7.0 bilion
Penerima 200,000 PKS Mikro	Penerima 1.3 juta	Penerima 10.6 juta
Tempoh permohonan 1-31 Oktober 2020	Tempoh permohonan 1 Oktober 2020 - 31 Disember	Tempoh pembayaran
Tempoh pembayaran November 2020		Fasa 1: Oktober 2020 Fasa 2: Januari 2020

jangka memberi kesan yang positif kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam suku keempat tahun ini. Kesan positif ini dijangka dicapai hasil daripada peruntukan RM10 bilion yang akan diberikan secara terus kepada rakyat dan perniagaan.

"Kerajaan juga menasarkankan kesan berganda antara bantuan di bawah KitaPrihatin dengan pakej rangsangan lain yang masih dilaksanakan," katanya.

Tengku Zafrul berkata, kerajaan yakin Kita Prihatin akan mengekalkan momentum pemulihan

berdasarkan petunjuk pemulihan ekonomi yang dicatatkan baru-baru ini seperti penurunan kadar pengangguran, peningkatan Indeks Pengeluaran Perindustrian, Indeks Pelopor dan sektor runcit serta rekreasi.

Katanya, walaupun perbelanjaan kerajaan dijangka meningkat disebabkan rangsangan tambahan itu, matlamat adalah konsisten iaitu untuk mengutamakan kesejahteraan kehidupan rakyat, kelangsungan perniagaan dan pengekalakan pekerjaan dalam tempoh yang mencabar ini.